

**SIMBANG BESAR**  
Great Frigatebird

FAMILI: Fregatidae  
NAMA SAINTIFIK: *Fregata minor*

**CIRI-CIRI**

Spesies ini merupakan burung yang banyak menghabiskan masa di udara dan mempunyai bentuk paruh yang agak unik iaitu lurus dan hujungnya berbentuk seperti cangkuk. Sayapnya panjang dan tajam di bahagian hujung dengan ekor yang bercabang. Keseluruhan bulunya berwarna hitam. Bagi individu jantan, keseluruhan bulunya berwarna hitam dengan tompok merah di bawah paruh manakala individu betina mempunyai bahagian tekak yang berwarna pucat dengan bahagian dada yang berwarna putih. Bagi burung juvenil, bahagian perutnya berwarna putih manakala kepalanya berwarna coklat. Seperti burung juvenil, burung yang belum matang mempunyai bahagian bawah sayap yang berwarna hitam. Secara beransur-ansur, garis di bahagian dada burung yang tidak matang akan hilang dan bertukar menjadi warna hitam seperti burung dewasa. Panjang keseluruhan bagi spesies ini ialah antara 86-100 sm.

**MAKANAN**

Diet bagi burung simbang terdiri daripada ikan, sotong, telur dan anak-anak burung laut yang lain serta anak penyu. Cara makannya adalah dengan menjunam ke permukaan air dan menyambar. Selain itu, spesies ini juga mendapatkan makanannya dengan mengejar burung-burung laut yang lain terutamanya burung dendang (*Sula spp.*) dan mencuri makanan yang diluahkan oleh burung-burung tersebut.

**HABITAT**

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di laut terbuka dan pulau-pulau kecil.